



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN 2011

**HARI ISNIN,
27 SYAWAL 1432 / 26 SEPTEMBER 2011
JAM 10.00 PAGI
STADIUM TERTUTUP KOMPLEKS SUKAN NEGARA
HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS**

BISMILLAHIR RAHMANNIR RAHIM
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala
Asyrafil Anbiaiee Wal-mursalin, Saidina Muhammadin
Wala 'Alih iWasahbihi Ajma'in.

ASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKAATUH

Mengadap Kehadapan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Sa'dul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, berserta dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-6, Tahun 2011, dengan penoh hormat serta takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di ata keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Sambutan

Hari Belia Kebangsaan Ke-6, Tahun 2011 pada pagi ini, dan diatas limpah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik untuk mengurniakan titah, menyempurnakan pengorniaan Anugerah Belia dan bercemar Duli, berangkat untuk menyaksikan Ekspo “Belia Berinovasi dan Kreatif 2011”

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ini, mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik yang berterusan terhadap perkembangan dan kemajuan golongan belia di Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, menyembahkan, sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada golongan belia di atas sumbangan mereka yang penuh bermakna kepada pembangunan belia dan sekali gus mengharumkan nama negara, maka acara kemuncak sambutan, adalah penyampaian Anugerah Belia dalam tiga (3) kategori iaitu:-

1. AnugerahPemimpinBeliaBerjasa;
2. AnugerahPersatuanBelia; dan
3. AnugerahBeliaCemerlang.

Ampun Beribu Ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menyembahkan, selaras dengan tema sambutan pada tahun ini, iaitu, 'Belia Berinovasi dan Berkreatif', sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-6 ini, adalah lebih memfokuskan kepada kreativiti dan inovasi para belia di Negara ini.

Belia yang berinovasi dan berdaya kreatif akan dapat menyumbang kepada pembangunan Negara melalui pelbagai aspek, termasuk perekonomian, pendidikan, ugama, kemasyarakatan, kesenian dan kebudayaan.

Sehubungan dengan ini, dalam usaha untuk memaparkan dan mengetengahkan “role model” dikalangan belia-belia di Negara ini yang mempunyai daya kreatif dan inovasi, bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini diadakan “Ekspo Belia Berinovasi dan Kreatif 2011”.

Disamping bertujuan untuk mempromosikan industry kreatif di Negara Brunei Darussalam sebagai penyumbang kepada pembangunan Negara, ekspo ini juga diharapkan agar dapat membuka minda dan menarik lebih ramai golongan belia untuk bergiat di dalam industry kreatif.

Ampun Beribu Ampun,

Bagi menjana dan melahirkan belia yang berinovasi dan kreatif, pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, disamping mempertingkatkan program-program pembangunan belia yang sudah berjalan, juga sedang mengambil langkah

bersesuaian, kearah menghidupkan semula peranaan Pusat Belia di Bandar Seri Begawan, melalui program penjenamaan semula pusat berkenaan, sebagai pusat berbagai kegiatan belia-belia dan persatuan-persatuan belia. Usaha ini, dilaratkan juga ke pusat-pusat yang terdapat di keempat-empat daerah.

Ini adalah bagi membolehkan para belia berkumpul mengadakan pelbagai aktiviti yang berfaedah dan produktif sebagai pengis masa lapang. Program-program tersebut disusun mengikut cita rasa para belia itu sendiri, agar mereka memiliki rasa kepunyaan dan kebersamaan (sense of belonging) terhadap Pusat Belia dalam menjalankan pelbagai kegiatan.

Selaras dengan usahat ersebut, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan juga, mengalakkan penglibatan badan-badan bukan kerajaan, seperti badan-badan sukarelawan, sebagai rakan strategic dengan pusat-pusat belia, dalam sama-sama memberikan khidmat kemasyarakatan dan pembangunan belia.

Dalam waktu yang sama, Program-program pembangunan belia yang berjalan pada masa ini, akan terus dipertingkatkan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta, kearah melahirkan golongan belia yang cekal dan bertanggungjawab, dengan memiliki tahap kemahiran dan kreativiti yang tinggi bagi pembangunan bangsa dan negara.

Ampun beribu ampun,

Sebelum hamba Kebawah Duli Tuan Patik, menjunjung anugeraha berundur diri sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan bagi mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-6, Tahun 2011, menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Pagi ini. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, menjunjung ampun bag isebarang kata-kata yang kurang manis dan sorok langkah yang tidak disenghajakan dalam mengendalikan Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Yang Ke- 6, ahun 2011 ini.

Akhirnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan bagi menyembahkan menjunjung kasih di atas keberangkatan Paduka-Paduka Adinda dan Paduka-Paduka Anakda Kebawah Duli Tuan Patik-:

1. Duli Yang Teramat Mulia,

Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua, Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah;

2. Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim;

3. Yang Teramat Mulia,

Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, juga menjunjung perkenan bagi menyembahkan menjunjung kasih diatas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; dan mengucapkan terima kasih diatas kehadiran

1. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet; dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat;
2. Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri;
3. Tuan-Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar Ke Negara Brunei Darussalam;
4. Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap;
5. Difdifi kehormat, Para Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik junjung anugeraha.